

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKE 318/317 – Perdagangan Antarabangsa

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di atas buku soalan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.


1. Andaikan dunia dua input, buruh dan modal; dua komoditi, X dan Y; dan dua negara, A dan B. Negara A sebuah negara kaya buruh. Terangkan dengan bantuan graf yang:
 - (a) negara ini akan menghadapi kerugian jika ia mengalami pertumbuhan di mana hanya input buruh yang meningkat.
 - (b) menunjukkan jika negara tersebut mengalami pertumbuhan input modal, ia akan dapat menikmati faedah.

(16 markah)

2. 'Pertumbuhan akibat daripada perkembangan teknologi yang pesat dapat meningkatkan kebajikan penduduk melalui kesan kekayaan. Walau bagaimanapun, ia juga boleh menyebabkan kemerosotan syarat niaga yang terlalu serius sehingga tingkat kebajikan masyarakat jatuh jika dibandingkan dengan keadaan sebelum pertumbuhan.' Berpandukan kepada rajah yang berkaitan, terangkan kenyataan tersebut.


(12 markah)

3. Rajah yang berikut menunjukkan pasaran komputer di sebuah negara kecil yang telah mengenakan cukai terhadap eksport komputer pada kadar TC seunit. Apakah kehilangan terhadap ekonomi kesan daripada cukai tersebut? Pihak manakah yang akan menikmati keuntungan jika cukai eksport ini dihapuskan? Terangkan.



(10 markah)

4. Rajah di bawah menunjukkan pasaran beras di sebuah negara kecil. Pengeluar domestik telah diberikan subsidi pengeluaran pada kadar $wb/unit$.



- (a) Apakah kesan pemberian subsidi terhadap import beras negara ini?
Terangkan.

(3 Markah)

- (b) Apakah kesan ke atas tingkat pengeluaran dan jumlah import jika subsidi ini dihapuskan? Terangkan.
(3 Markah)
- (c) Dalam rajah yang sama tandakan kadar tarif import yang harus dikenakan supaya ia memberi kesan ke atas jumlah import yang sama dengan kesan daripada subsidi pengeluaran sebanyak wb/unit.
(5 Markah)
- (d) Polisi manakah lebih cekap jika objektif kerajaan ialah untuk mengawal jumlah import beras? Bincangkan.
(5 Markah)

5. Terangkan perbezaan di antara:

(a) Tarif import dan kuota import

(8 markah)

(b) Kesan tarif import dan cukai penggunaan terhadap tahap penggunaan

(8 markah)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan ciptaan dagangan hasil daripada penubuhan kesatuan kastam? Adakah penubuhan kesatuan kastam sentiasa menguntungkan ahli-ahlinya? Bincangkan.

(12 markah)

7. Kereta nasional Proton telah diperkenalkan dalam tahun 80an. Dengan pengetahuan anda mengenai polisi perdagangan serta integrasi ekonomi serantau yang dialami oleh Malaysia, terangkan kesan polisi-polisi tersebut terhadap kereta nasional sejak ia diperkenalkan.

(10 Markah)

8. Kenapakah setengah pihak telah membantah dengan keras perundingan dua hala Malaysia-US FTA (Free Trade Area-Kawasan Dagangan Bebas)? Pihak manakah yang akan mengalami kerugian? Bincangkan. (Anda boleh melihat dari segi pengeluaran, peluang pekerjaan, pengguna,imbangan dagangan dsb).

(8 Markah)